

Hari Kezahiran

Muḥammad ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam (2)

“Benar, pekerjaan itu tidak dilakukan oleh ulama salaf, tetapi tak ada dipandang buruk, kerana perayaan itu suatu tanda kesyukuran kita kepada Allah yang telah menzahirkan junjungan kita Nabi Muḥammad *khātim al-anbiyā’ wa al-mursalīn*. Pada hari itu kita zahirkan kegembiraan kita memberi sedekah, kita memberi makan dan minum kepada orang-orang miskin dan kita berzikir dan kita membaca kisah mawlid.”

Oleh: Al-Ustādh Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy

Al-Sakhāwī berkata: “Apabila ahli kitab menjadikan malam kezahiran Nabinya suatu hari raya besar, maka umat Islam lebih utama menjadikan hari kezahiran Nabi, hari yang dimuliakan.”

Al-Hāfiz al-Suyūṭī telah mengarang sebuah kitab menerangkan kebaikan pekerjaan mengadakan perayaan mawlid. Ia berkata: “Perayaan mawlid,, cara membaca kisah mawlid, berzikir, memberi makanan kepada orang miskin ialah suatu *bid’ah ḥasanah*. Seterusnya al-Suyūṭī menerangkan bahawa gurunya al-Hāfiz Ibn Hajar al-‘Asqalānī telah menjawab soalan ini begini: “Perayaan mawlid itu tiada diterima dari ulama salaf, bukan pusaka tua yang ditinggalkan oleh sahabat-sahabat, *tābi’in* dan imam *mujtahidīn*. Tetapi sungguhpun demikian namun dapat juga kita memandang eloknyanya dengan jalan berpegang pada dalil sunat puasa ‘Asyura. Puasa Asyura itu dilakukan sebagai menyatakan syukur kita kepada Allah atas kurnia-Nya menyelamatkan Nabi Mūsā dari tentera Firaun, serta

menenggelamkan Firaun dan tenteranya di dalam Laut Merah. Dari mengerjakan puasa kerana yang demikian pada tiap-tiap tahun kita mendapat peringatan, bahawa memperlihatkan syukur kita terhadap sesuatu nikmat Allah yang diberikan pada hari-hari yang tersebut, dan lalu kita ulang-ulangi pekerjaan itu pada tiap-tiap hari itu dalam tiap-tiap tahun adalah suatu pekerjaan yang baik. Menyatakan kesyukuran kita, boleh dengan mengerjakan sembahyang sunat, berpuasa sunat, bersedekah dan membaca al-Qur’an. Setelah itu al-Hāfiz berkata: Manakah gerangan yang lebih besar dari nikmat kezahiran Rasul? Seyogianyalah kita menjaga benar-benar hari tersebut dan mengerjakan kesyukuran tepat pada hari itu, sebagaimana puasa Asyura tepat pada hari Asyura!”

Ibn Hajar al-Haytamī pula berkata: “Pekerjaan merayakan mawlid memang *bid’ah*, kerana tak ada dikerjakan oleh salaf. Tetapi dapat kita menjadikan dia elok dengan berpegang kepada dalil-dalil umum menentukan kita

membaca al-Qur'an dan zikir. Dapat kita berpegang kepada dalil-dalil yang mengelakkan pekerjaan memuliakan Nabi, memuji-mujinya, menyatakan keutamaannya, kelebihanannya dan mukjizatnya.”

Demikianlah bunyi keterangan-keterangan pihak yang mengatakan perayaan mawlid itu baik sebagaimana yang dilakukan itu.

Dalam pada itu seyogianya disebut, bahawa semua ulama yang mengharuskan atau mengatakan baik, adalah mereka menyuruh supaya pekerjaan itu terlepas dari segala pekerjaan yang haram dan yang makruh.

Di bawah ini disajikan pula keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh golongan yang memandang perbuatan itu suatu perbuatan yang tercela.

Di antara yang membid'ahkan ialah al-Imām al-Shāṭibī dalam kitabnya *al-I'tisām*. Kata golongan yang membid'ahkan:

Sudah siap Serial Wanita 2

Hukum Bersuci

Buku ini disusun mengenai hukum-hukum bersuci bagi wanita. Dibuat serba ringkas dan mudah difaham.

Berguna untuk tiap-tiap rumah untuk mengajar anak-anak perempuan hukum bersuci.

Disusun oleh Umm Muhsin.

Senaskhah 40 sen pos 10 sen.

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

“Mengadakan perayaan mawlid dengan membuat upacara-upacara ibadat, tercela; kerana pekerjaan itu terpdang sebagai suatu syiar agama, atau ibadat yang tidak diperintah. Dengan kita mengerjakannya, orang-orang awam menyangka bahawa pekerjaan itu, dengan cara yang demikian, diperintah oleh agama. Pada hal tidak. Kiranya pekerjaan itu dipandang baik, maka mengapakah ulama-ulama salaf tidak mengerjakannya? Adakah kita sekarang lebih cinta kepada Rasulullah (S.A.W) dari mereka? Adakah kita lebih pandai dari *ṣahabat, tābi 'īn* dan imam-imam yang *mujtahid*, dalam urusan ibadat? Lagi pula kalau dikatakan: Kami membuat untuk menyatakan kesyukuran, maka bukankah yang lebih patut kita rayakan hari turun permulaan al-Qur'an, hari permulaan Nabi diangkat menjadi Rasul? Kerana nikmat dan rahmat dengan itulah terbuhtinya, bukan dengan kezhahirannya. Ulama dahulu hingga sekarang (hingga zaman al-Shāṭibī) belum ada yang memfatwakan elok kita rayakan hari yang tersebut. Harus juga diketahui bahawa *bid'ah dīniyyah* itu, ialah: Mengadakan suatu ibadat, atau syiar agama yang tidak berasal dari agama dan menentukan sesuatu ibadat dalam suatu masa, tempat dan keadaan yang tertentu yang tidak ditentukan dengan demikian oleh agama sendiri. Oleh yang demikian itulah sembahyang *Raghā'ib* itu *bidid'ahkan*, begitu juga sembahyang *niṣf Sha'bān*. Kata al-Nawawī dalam *Kitab al-Minhāj*: Kedua-dua sembahyang itu *bid'ah qabīḥah*.

Al-Sayyid Rashīd Riḍā pula berkata: Mengadakan perayaan mawlid bukan suatu ibadat yang diterima dari rasul. Agama tiada menciptakan cara-cara yang dilakukan pada hari itu dan bukan pula lagi suatu amal keduniaan semata-mata, kerana telah dicampur baurkan. Sebenarnya, jika bukan kerana mensunatkan adanya perayaan mawlid dengan cara-cara yang telah diterangkan, tentulah tidak

mustahak dicari dalil ke sana ke mari untuk mensunatkannya.

Demikian keterangan pihak yang mengingkari.

Menurut hemat kita, jika soalan ini direnungkan dengan hati-hati dan teliti, nyatalah bahawa: Agama benar-benar tiada menyuruh dan mengatakan elok. Kerana itulah sahabat-sahabat dan segenap ulama salaf tiada mengerjakannya. Maka jika umat Islam merayakan hari ini menurut cara-cara yang kita kehendaki sesuatu dengan perkembangan masa, hendaklah atas dasar agama, bukan sebagai suatu, ibadat, tak dapatlah orang menamai pekerjaan itu suatu *bid'ah*. Sebaliknya jika kita pandang sesuatu sunat, suatu suruhan agama, teranglah ia tertolak dan menjadilah ia *bid'ah* h. Telah cukup nyata bahawa pekerjaan itu tidak disunatkan kalau ada yang mengatakan: “Sebenarnya kami rayakan hari ini atas kemahuan kami sendiri (atas kehendak umat sendiri), bukan sebagai suatu tugas agama, hanya kami sengaja memilih beberapa pekerjaan ibadat untuk kami lakukan pada hari ini kerana memikir bahawa ibadat-ibadat itu disuruh” harus dijawab sebagai berikut:

Benar, ibadat-ibadat itu disuruh, tetapi sengaja menempatkannya pada hari ini dapat pula dijawab: Mengapakah yang demikian pada hari yang tersebut, meneguhkan kepercayaan, bahawa demikianlah tuntutan agama, sebagai yang telah menjadi kepercayaan orang awam masa ini.

Disebabkan hal-hal tersebut, kami berpendapat: Bahawa merayakan hari mawlid membuat *haflah*, tiada terlarang; tak dapat di *bid'ah* kan, selama tiada dicampur baurkan dengan ibadat-ibadat, upacara-upacara keagamaan. Jika perayaan itu kita lakukan atas dasar-dasar keduniaan (yakni atas dasar tiada disuruh dan tiada dilarang) , maka lepaskan

pekerjaan itu dari upacara-upacara ibadat supaya terlepas kita daripada dua khilaf yang tak boleh kita mudah-mudahkan Istimewa pula mengingat kaedah: Apabila sesuatu hal diperselisih antara *bid'ah* dengan sunat, maka lazimlah ditinggalkan supaya menjaga diri.”

Walhasil hendaklah kita menyelenggarakan perayaan dengan mengadakan ceramah-ceramah yang berguna bagi umum dan kita lakukan yang demikian dengan tidak menyangkut pautkan kepada agama. Yakni jangan didakwa agama yang menyuruh ; saya berbuat begini pada hari ini. Kerana menyangkut pautkan kepada agama. Yakni jangan di dakwa agama menyuruh, saya berbuat begini pada hari ini. Kerana menyangkut pautkan pada agamalah menyebabkan sebahagian ahli agama memerangi perbuatan ini dengan segala rupa kepandaianya, untuk melepaskan umat dari suatu kepercayaan yang tidak ada dalam agama. Lebih lanjut kami tegaskan bahawa jika ada ulama yang tidak membenarkan bacaan kitab-kitab mawlid maka adalah kerana terdapat dalam kitab-kitab mawlid itu riwayat-riwayat yang dusta atau yang sangat lemahnya. Dan kerana mengeluarkan belanja dengan cara yang dapat dipandang oleh agama masuk ke dalam bahagian “*isrāf*” dan “*tabdhīr*”, seperti mewarna warnikan masjid-masjid dan tempat-tempat perjumpaan ramai dengan lampu-lampu yang bergemerlapan yang sesungguhnya tidak dihajati menurut kaca mata agama.

Wa shallā Allāhu ‘alā sayyidina Muḥammad wa ‘alā ālihi wa ṣaḥbihi wa sallam.

Harap Perhati:

Dalam Qalam (99) yang lalu, muka 21, ruangan yang kedua, kalimah “Hamka” yang terletak di kaki rencana itu, yang sebenarnya ialah “hikmah”.
